



# SIARAN MEDIA MEDIA RELEASE

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) SUKU TAHUNAN  
SUKU PERTAMA 2019**

*QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT  
FIRST QUARTER 2019*

*Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam*

*Department of Economic Planning and  
Development  
Ministry of Finance and Economy  
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**


**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU TAHUNAN  
SUku PERTAMA 2019**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---


**TAJUK UTAMA:  
EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENCATATKAN PENURUNAN  
PADA SUKU PERTAMA TAHUN 2019.**

1. Pada suku pertama 2019, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam pada harga semasa adalah berjumlah BND4.5 bilion berbanding BND4.4 bilion pada Q1 2018. Sektor Minyak & Gas yang bernilai BND2.7 bilion telah menyumbang 57.7 peratus kepada jumlah nilai tambah kasar.
2. Pada harga tetap, KDNK pada Q1 2019 menurun sebanyak 0.5 peratus tahun-ke-tahun. Ini adalah disebabkan oleh penurunan terutamanya dalam Sektor Minyak & Gas sebanyak 2.5 peratus. Manakala, Sektor Bukan Minyak & Gas meningkat sebanyak 2.5 peratus.



3. Penurunan dalam Sektor Minyak & Gas adalah terutamanya disebabkan oleh penurunan pengeluaran gas asli daripada 37.7 juta meter padu sehari pada Q1 2018 kepada 35.5 juta meter padu sehari pada Q1 2019 dan penurunan pengeluaran Gas Cecair Asli [*Liquefied Natural Gas (LNG)*] daripada 1,076,866 MMBtu sehari pada Q1 2018 kepada 1,028,683 MMBtu sehari pada Q1 2019.
4. Peningkatan dalam Sektor Bukan Minyak & Gas antaralain adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit (11.2 peratus), Subsektor Kewangan (7.6 peratus) dan Subsektor Hartanah dan Pemilikan Tempat Kediaman (2.3 peratus).
5. Mengikut jenis kegiatan ekonomi, pertumbuhan negatif tahun-ke-tahun pada suku pertama 2019 adalah disebabkan oleh penurunan dalam Sektor Industri sebanyak 2.3 peratus. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh penurunan pengeluaran gas asli dan LNG serta penurunan dalam Subsektor Pembinaan.
6. Sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan juga mencatatkan penurunan sebanyak 3.3 peratus berikutan kemerosotan dalam pengeluaran Subsektor Sayur-Sayuran, Buah-Buahan & Pertanian Lain, Subsektor Ternakan dan Subsektor Perikanan. Penurunan dalam pengeluaran buah-buahan menjadi penyebab utama penurunan dalam Subsektor Sayur-Sayuran, Buah-Buahan & Pertanian Lain. Manakala, Subsektor Perhutanan berkembang 98.8 peratus disumbangkan oleh peningkatan dalam pengeluaran kayu gergaji.

7. Walaubagaimanapun, Sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 2.8 peratus. Antaralain, ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit, Subsektor Kewangan dan Subsektor Hartanah dan Pemilikan Tempat Kediaman.



8. Mengikut pendekatan perbelanjaan, penurunan KDNK adalah disebabkan terutamanya oleh penurunan permintaan luar iaitu eksport sebanyak 3.2 peratus tahun-ke-tahun. Manakala, permintaan dalam negeri mencatatkan pertumbuhan, khususnya perbelanjaan penggunaan persendirian yang berkembang pada kadar 4.9 peratus, setelah meningkat sebanyak 6.7 peratus pada suku sebelumnya.
9. Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Pertama 2019 boleh didapati melalui laman web JPKE: [www.depd.gov.bn](http://www.depd.gov.bn)



**MEDIA RELEASE  
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**


**QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT  
FIRST QUARTER 2019**

**BRUNEI DARUSSALAM**


---

**MAIN HEADLINE: BRUNEI DARUSSALAM'S ECONOMY DECLINED IN THE  
FIRST QUARTER OF 2019**

1. *In the first quarter of 2019, Brunei Darussalam's gross domestic product (GDP) at current prices was valued at BND4.5 billion compared to BND4.4 billion in Q1 2018. The Oil & Gas sector was valued at BND2.7 billion accounting for 57.7 per cent of the total gross value added (GVA).*
2. *At constant prices, GDP recorded a negative growth of 0.5 per cent year-on-year in Q1 2019. The decline was mainly associated with the decrease in the Oil & Gas sector by 2.5 per cent. On the other hand, the Non-Oil & Gas sector increased by 2.5 per cent.*
3. *The decline in the Oil & Gas sector was mainly due to the contraction in both the productions of natural gas from 37.7 million cubic metres per day in Q1 2018 to 35.5 million cubic metres per day in Q1 2019 and Liquefied Natural Gas (LNG) from 1,076,866 MMBtu per day in Q1 2018 to 1,028,683 MMBtu per day in Q1 2019.*
4. *The growth in the Non-Oil & Gas sector was due to increases in the Wholesale & Retail Trade (11.2 per cent), Finance Subsector (7.6 per cent), and Real Estate & Ownership of Dwellings Subsector (2.3 per cent).*



5. *By Kind of Economic Activity, the negative performance of the economy in the first quarter was due to the decrease in the Industry Sector by 2.3 per cent. This was mainly due to the contraction in both the productions of natural gas and LNG; and a decline in the Construction Subsector.*
6. *The Agriculture, Forestry & Fishery Sector also recorded a decrease of 3.3 per cent due to a fall in the output of the Vegetables, Fruits & Other Agriculture Subsector, Livestock & Poultry Subsector and Fishery Subsector. A decline in the production of fruits was the main contributor to the decrease in the Vegetables, Fruits & Other Agriculture Subsector. On the positive side, the Forestry Subsector expanded by 98.8 percent as a result of higher production of sawn timber.*
7. *However, the Services Sector increased by 2.8 per cent. This positive growth was due to increases in the Wholesale and Retail Trade Subsector, Finance Subsector and Real Estate & Ownership of Dwellings Subsector.*



8. *By expenditure approach, GDP recorded a decrease mainly due to a decrease in the external demand (exports of goods and services) by 3.2 per cent. On the other hand, domestic demand registered positive growth, particularly in personal consumption expenditure, which grew by 4.9 per cent, after a 6.7 per cent growth in Q4 2018.*
  
9. *Gross domestic product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The GDP full report for the First Quarter of 2019 is available from DEPD's website: [www.depd.gov.bn](http://www.depd.gov.bn)*